

23 NOV 2002

Malaysia-Wang

MALAYSIA TAWAR SUMBANGAN KETIGA TERBESAR KEPADA LUBNAN

Oleh: Wan A Hulaimi

PARIS, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia menawarkan US\$300 juta yang merupakan sumbangan ketiga terbesar dari kalangan negara yang menawarkan bantuan kepada pembangunan semula Lubnan di persidangan Paris II selama sehari di Istana Elysee di sini hari ini.

Tawaran pinjaman terbesar datang dari Arab Saudi sebanyak US\$700 juta, diikuti Perancis sebanyak US\$500 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada mesyuarat di sebelah pagi, bahawa beliau akan mengadakan perjumpaan seterusnya dengan Presiden Lubnan, Rafiq Hariri hari ini untuk meninjau bantuan bidang teknikal lain yang Malaysia boleh tawarkan kepada negara berkenaan, yang musnah akibat perang saudara selama 15 tahun dan pencerobohan Israel.

Bercakap di sini pada Jumaat, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata bidang lain yang Malaysia boleh membantu ialah pembangunan teknologi maklumat (IT) dan pelancongan.

Sebanyak 18 buah negara termasuk Britain, Amerika Syarikat, Perancis, Arab Saudi, Kuwait dan negara-negara Teluk menghadiri persidangan itu, yang turut dihadiri oleh wakil lima agensi kewangan termasuk IMF dan Bank Dunia.

"Lubnan mempunyai beban hutang pada 140 peratus daripada KDNKnya yang ianya tidak mampan. Mereka menggunakan 80 peratus daripada hasil mereka untuk membayar hutang, yang menjadikan pembinaan semulanya adalah sukar. Satu cara bagi mereka untuk pulih ialah menerusi pinjaman bagi pembangunan semula pada kadar yang rendah," kata Dr Mahathir.

Mengulas mengenai tawaran pinjaman Malaysia, beliau berkata pada 1987, Malaysia memberi pinjaman yang serupa sebanyak US\$1 bilion kepada Thailand dan jumlah yang sama kepada Indonesia, tetapi bagi negara kedua itu, ia tidak dibuat.

"Dengan negara-negara menawarkan pinjaman dari US\$200 juta hingga US\$700 juta pagi ini, saya berharap Lubnan kini boleh meringankan bebanan hutangnya," tambah beliau.

Di masa lalu Malaysia telah membantu negara itu dengan melanggan bon-bon Lubnan.

"Kita tahu mereka merupakan pembayar yang baik. Mereka tidak pernah ingkar," kata Dr Mahathir.

Hanya Perancis dari kalangan negara maju di persidangan itu hari ini yang menjadi negara penyumbang kepada skim pembangunan semula itu.

-- BERNAMA

WAH LES YBY HM